

14 AUG 2002

Hasmah-Puspanita (Bergambar)

PUSPANITA DAPAT BANGUNAN BARU TAHUN DEPAN

PUTRAJAYA, 14 Ogos (Bernama) -- Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (Puspanita) akan memiliki bangunan sendiri apabila pembinaan Kompleks Puspanita Puri siap pada September tahun depan.

Penaung persatuan itu, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berkata bangunan bernilai RM30 juta itu dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk asrama dan dewan besar pelbagai guna bagi menampung aktiviti Puspanita.

"Selain itu, Puspanita juga akan menyewakan asrama dan dewan besar itu untuk kegunaan pihak luar, sebagai satu sumber pendapatan persatuan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan upacara pecah tanah bagi pembinaan bangunan berkenaan di sini hari ini.

Menurut Dr Siti Hasmah, isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bangunan Puspanita sedia ada di Jalan Hose di ibu kota sudah tidak mampu menampung keperluan anggota persatuan yang meningkat kepada kira-kira 56,000 orang.

"Bangunan lama itu mungkin akan dikembalikan kepada kerajaan sebab ia milik kerajaan ataupun kita sewakan kepada pihak swasta," katanya.

Kompleks setinggi tiga tingkat itu akan didirikan di atas kawasan seluas 12.4 hektar di Presint 10 berhampiran Kompleks Seri Perdana.

Selain asrama dan dewan besar pelbagai guna, kompleks itu juga akan dilengkapi dengan kediaman kakitangan, surau serta tempat letak kereta yang boleh memuatkan kira-kira 200 kenderaan.

Yang turut hadir pada majlis itu isteri Timbalan Perdana Menteri Datin Seri Hendon Mahmood.

-- BERNAMA

NM ZS NMO